

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN (SEMBRONG)**

TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini bagi Projek Penswastaaan Membina dan Menyiapkan Kompleks 7 Briged Skudai di Lot 2967, 27633 dan 27634 Mukim Pulai Johor yang melibatkan jumlah tuntutan saman mahkamah bernilai RM1.48 bilion berikutan laporan JKSTUPKK menyatakan Kerajaan sedang mendapatkan nasihat Peguam Negara melalui surat yang dihantar pada 9 November 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan selaku Plaintiff telah memfailkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan terhadap KCSB Konsortium Sdn Bhd (Defendan) di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 7 April 2017. Pada 21 Disember 2018, Mahkamah telah memutuskan bahawa tuntutan Plaintiff dibenarkan sebanyak RM269.5 juta beserta faedah pada kadar 5% setahun dari tarikh Pernyataan Tuntutan dibuat (7 April 2017) sehingga penyelesaian dan kos sebanyak RM80,000 hendaklah dibayar oleh Defendan kepada Plaintiff.

Defendan pada 15 Januari 2019 telah memfailkan Notis Rayuan di Mahkamah Rayuan Putrajaya terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tersebut dan pendengaran rayuan telah ditetapkan pada 5 November 2019.

Pada masa ini kedua-dua lot Tanah Balasan iaitu Lot 139 Mukim Tebrau dan Lot 1876 Mukim Plentong telah diambil oleh Kerajaan Negeri Johor. Kementerian Pertahanan pada 4 April 2017 telah memfailkan permohonan Rujukan Tanah di Mahkamah Tinggi Johor Bahru untuk memohon pampasan dibayar kepada Kementerian Pertahanan akibat pengambilan tanah yang melibatkan bangunan-bangunan yang didirikan di Kem Penggawa Timur, Mukim Plentong dan Kem Tebrau, Mukim Tebrau, Johor Bahru. Pengurusan kes berkenaan telah dijalankan pada 24 Jun 2019 dan ditetapkan untuk keputusan kes pada 8 Ogos 2019 dihadapan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Johor Bahru, Johor.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L
SANTIAGO**

TARIKH : 3 JULAI 2019

RUJUKAN : 11638

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesudian Kementerian untuk memindahkan pengurusan pekerja asing termasuk kelulusan permit ke Kementerian Sumber Manusia dalam masa yang terdekat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) berpandangan bahawa skop pengurusan pekerja asing perlu dipandang dari aspek yang lebih luas iaitu bukan hanya menjurus kepada dasar penggajian negara atau tertakluk kepada Akta Kerja 1955 sahaja. Hal ini kerana pengurusan pekerja asing turut mencakupi elemen keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan negara yang tidak boleh dikompromi dan dipandang mudah.

Sehubungan dengan itu, Kementerian ini ingin menegaskan bahawa struktur organisasi sedia ada dalam pengurusan pekerja asing perlu dikekalkan bagi membolehkan kedua-dua Kementerian iaitu KDN dan KSM menjalankan fungsi dan peranan masing-masing dengan cekap dan berkesan. Melalui pembahagian fungsi yang tepat, KSM dapat memberikan tumpuan penuh sebagai Kementerian yang bertanggungjawab untuk menggubal dasar berkaitan guna tenaga negara dengan meletakkan tanggungjawab untuk memelihara keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam kepada KDN.

Dalam hal ini, Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre* – OSC) di KDN yang menempatkan kesemua sembilan (9) Agensi Kawal Selia (AKS) perlu dikekalkan (*status quo*) sebagai platform semak dan imbang (*check and balance*) bagi meningkatkan pengurusan dan penilaian penggajian pekerja asing yang lebih telus. Panel AKS di OSC KDN merupakan pihak yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam membuat penilaian permohonan penggajian pekerja asing oleh majikan serta menjadi mekanisme semak dan imbang (*check and balance*) dalam pertimbangan permohonan pekerja asing oleh majikan. Setiap kelulusan yang diberikan oleh JTKSM di KSM pada peringkat awal akan disemak dan diteliti oleh AKS dan agensi-agensi yang lain bagi mengelak daripada kes-kes pemalsuan dokumen serta isu berkaitan integriti pegawai dan penipuan majikan. Selain itu, OSC KDN juga mempunyai kapasiti untuk menjalankan operasi inspektorat ke atas

majikan/ syarikat, khususnya yang berkaitan dengan isu-isu keselamatan dan keimigresenan melalui perjawatan pegawai imigresen yang diwujudkan di OSC KDN bagi tujuan tersebut. Oleh itu, peranan OSC KDN adalah sangat penting daripada aspek *check and balance* khususnya dalam meneliti kelayakan kuota penggajian pekerja asing oleh majikan kerana dikhuatiri berlakunya masalah kemasukan pekerja asing yang berlebihan ke negara ini yang akhirnya boleh menjejaskan keselamatan negara.

Walaupun kuota penggajian pekerja asing kepada majikan ditentukan oleh OSC di KDN, dasar mengenai penggajian pekerja asing bukanlah dilaksanakan secara *in silo* oleh KDN, sebaliknya ditentukan dan diputuskan secara bersama antara semua Kementerian berkaitan melalui platform Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai dan memutuskan dasar-dasar berhubung penggajian pekerja asing dalam semua sektor dan juga dasar-dasar yang berkaitan dengan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) (memperketat kawalan dan penguatkuasaan) yang mempunyai implikasi terhadap keselamatan dan kedaulatan Negara serta masalah sosial, ekonomi dan politik bagi seluruh Malaysia. Keanggotaan Jawatankuasa ini terdiri daripada Menteri-Menteri yang bertanggungjawab terhadap isu-isu kawalan dan keselamatan negara, pengurusan sumber manusia, kesihatan dan agensi kawal selia kepada sektor-sektor yang dibenarkan untuk pengambilan pekerja asing sama ada dalam sektor pekerjaan, pendidikan atau pelancongan.

Antara Menteri yang menganggotai Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

- | | | |
|---|---|---------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> (i) Menteri Dalam Negeri; (ii) Menteri Sumber Manusia; (iii) Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; (iv) Menteri Kesihatan; (v) Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; (vi) Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; | } | selaku Pengerusi Bersama |
|---|---|---------------------------------|

- (vii) Menteri Kerja Raya;
- (viii) Menteri Industri Utama;
- (ix) Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani;
- (x) Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya;
- (xi) Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- (xii) Menteri Pengangkutan;
- (xiii) Menteri Pendidikan;
- (xiv) Menteri Pembangunan Usahawan;
- (xv) Menteri Wilayah Persekutuan;
- (xvi) Menteri Luar Negeri; dan
- (xvii) Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli.

Sementara itu, keanggotaan Menteri-Menteri yang lain masih boleh ditambah dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan. Sebagai makluman, perihal dasar dan isu pekerja asing juga sering dibincangkan dan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Kabinet.

Seterusnya, bagi memantapkan lagi sistem keimigresenan khususnya bagi aspek keselamatan termasuk sistem berkaitan pengurusan pekerja asing, KDN sedang membuat penambahbaikan ke atas sistem sedia ada yang dikenali sebagai Sistem Imigresen Bersepadu (IIS). Sistem ini akan diguna pakai secara optimum melalui pengintegrasian sistem-sistem sedia ada dengan menjimatkan kos tanpa perlu mewujudkan satu sistem yang baharu secara berasingan bagi pengurusan permohonan pengambilan pekerja asing yang lebih komprehensif, efisien dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, secara keseluruhannya, Kementerian ini menegaskan sekali lagi bahawa peranan dan struktur OSC KDN yang sedia ada perlu dikekalkan (*status quo*) selaras dengan pemantapan sistem pengurusan pekerja asing yang sedang dilaksanakan oleh KDN dari semasa ke semasa. Sementara itu, pewujudan satu entiti tunggal dalam pengurusan pekerja asing boleh diterjemahkan sebagai kombinasi dua (2) Kementerian utama dalam menguruskan hal ehwal pekerja asing yang bukan sahaja melibatkan perihal guna tenaga, keperluan industri dan sebagainya malahan turut merangkumi elemen keselamatan dan ketenteraman awam berkaitan warga asing yang juga

dikawal selia oleh pelbagai agensi di bawah KDN seperti JIM, Polis DiRaja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia dan *The Eastern Sabah Security Command*.